

**Majlis Mesyuarat disambung  
semula pada pukul 2.00 petang**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ahli Yang Berhormat. Di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita tangguhkan pada sebelah pagi tadi, kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu.

Pada masa itu, kita masih lagi membahaskan Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka bagi membolehkan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli Yang Berhormat.

Sekarang majlis bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi terus menimbang Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi bahawa kita masih lagi membahaskan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bersama saya masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membincangkan Tajuk berkenaan. Walau bagaimanapun saya dimaklumkan, bahawa Yang

Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan meminta laluan untuk memberikan beberapa penerangan mengenai persoalan yang ditimbulkan sebelum kitani menimbang Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan koala menjawab soalan daripada dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu yang pertama, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad mengenai perkembangan keluaran buah durian di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai jawapan, berkenaan hasil durian di Negara Brunei Darussalam masih lagi rendah iaitu sebanyak 37 metrik tan sahaja pada 2016. Ini kerana penanaman masih secara kecil-kecilan serta kebanyakannya diusahakan oleh peladang-peladang sambilan *part-time* dan ditanam secara Pulau Buah.

Di samping itu, pengurusan ladang juga kurang mengamalkan pengurusan yang baik seperti dari segi pembajaan, pengairan dan pengawalan musuh perosak dan penyakit tanaman. Selain itu, keadaan cuaca yang tidak menentu antara kering dan hujan juga mempengaruhi produktiviti hasil ladang buah-buahan tempatan termasuk durian yang buah-buahan

bermusim memerlukan cuaca kering yang berterusan 3-4 bulan bagi mencapai produktiviti yang optima.

Walau bagaimanapun, pada masa ini pihak kementerian juga berusaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran hasil buah-buahan tempatan bagi buah-buahan yang bermusim dan tidak bermusim termasuk durian dengan menggalakkan penanaman secara komersial atau berskala besar dengan menawarkan tapak-tapak di kawasan kemajuan petanian melalui *Request For Proposal (RFP)* seperti di KKP Batang Mitos iaitu sekitar 77 hektar dan ditapak KKF di Merangking sekitar 50 hektar atau lebih yang akan ditawarkan pada bulan April 2017 ini.

Di samping itu, pihak kementerian juga melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga berusaha untuk menggalakkan para peladang untuk mengamalkan pengurusan ladang yang baik dengan memberi latihan atau tunjuk cara kepada peladang-peladang berkenaan untuk meningkatkan lagi pengeluaran hasil dan produktiviti ladang-ladang yang sedia ada untuk mencapai *KPI* yang telah ditetapkan.

Soalan cadangan untuk *standard* tidak akan bergantung lagi dengan *standard* negara lain. Standardnya adalah di bawah Pusat Standard Kebangsaan, Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan merupakan komite teknikal bagi sektor yang berkaitan seperti Komite Teknikal bagi Tanaman

Pertanian, Komite Teknikal Pembukusan Makanan dan Jawatankuasa bagi Logo Pemeriksaan *Veterinary* dan Kumpulan Kerja bagi *HACCP* di bawah Komite Teknikal Sistem Pengurusan. Pada masa ini, terdapat dua *standard* kebangsaan yang telah diluluskan di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan iaitu *BRUNEI GAP* (Amalan Pertanian Baik) dan *Brunei Standard Organic Agriculture* bagi *vegetable and fruits*. Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan masih giat berusaha untuk membangunkan standard pertanian dan agrimakanan termasuklah standard bagi durian, lada, biabas, papaya dan lain-lain komoditi yang mempunyai nilai komersial. Standard bagi sos cili dan standard amalan pengilangan yang baik.

Selanjutnya izinkan kaola menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari iaitu pindaan ke atas Akta Perlindungan Binatang Liar 1978. Akta Perlindungan Binatang Liar yang sedia ada ini telah pun wujud sejak tahun 1978 dan telah dipinda buat pertama kali pada tahun 1984. Untuk itu, perundangan yang sedia ada ini perlu dikemas kini untuk penambahbaikan selaras dengan keperluan perkembangan semasa agar sejajar dengan perundangan yang berkuat kuasa di rantau ini dan di peringkat antarabangsa.

Di samping itu juga, bagi memastikan versi semakan yang baharu ini nanti adalah komprehensif dan cukup praktikal untuk dilaksanakan. Pada masa ini Bahagian Hidupan Liar dengan

kerjasama Jabatan Peguam Negara sedang melaksanakan proses pindaan perundangan ini. Antara pindaan yang dicadangkan oleh Bahagian Hidupan Liar adalah seperti yang berikut:-

1. Menambah bilangan *Protected Species* dari 34 *Species* sedia ada, dengan mengambil kira senarai spesies tempatan dalam *International Union For Conservation of Nature, Red List of Threaten Species and Convention on International Trade and Endangered Species for Fauna and Flora*. Ini termasuklah menyenaraikan beruang madu (*honey bear*), tenggiling, yang Yang Berhormat nyatakan tadi;
2. Mengadakan hukuman dan *penalty* yang lebih berat;
3. Memperketatkan peraturan ke atas pengeluaran permit dan lesen berburu, membunuh, menangkap, menjual, memelihara, memiliki, mengeksport dan mengimport termasuklah mengawal ekspo dan pameran binatang liar; dan
4. Menubuhkan danewartakan *sanctuary* binatang liar di atas tapak yang telah diwartakan seperti hutan simpan (*forest reserve*) secara *double gazetment* atau kawasan baharu khusus bagi *wild life sanctuary*. *Sanctuary* binatang liar ini boleh dijadikan sebagai tempat perlindungan dan tempat melepaskan program pemulihan dan pembiakan. Ini bagi memudahkan inventori dan pemantauan binatang

liar dapat dibuat serta boleh dijadikan lokasi untuk penyelidikan dan pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam pengurusan hidupan liar di negara ini.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Untuk meneruskan perbincangan kita sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sesi Mesyuarat pagi tadi berhubung dengan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama tahun 2017/2018. Jelas sekali menggambarkan akan tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama khusus dalam 5 bidang fokus utama ke arah kemajuan dan kesejahteraan hidup beragama.

Kaola akan membawa perkara Kod Akaun 002/002. Sukacita kaola ingin menyuarakan mengenai projek regenerasi Kampung Sungai Kedayan. Apa yang kaola faham projek berkenaan adalah untuk menaik taraf Bandar Seri Begawan berpandukan Pelan Induk Bandar Seri Begawan yang berfungsi sebagai tempat riadah. Menyediakan

platform *PPP* untuk menjana ekonomi di samping tempat tarikan kepada pelancong.

Dalam projek transformasi ini, kita akan melihat betapa Bandar Seri Begawan nanti akan menjadi tempat lebih menarik dan baharu. Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien salah sebuah masjid terbesar dan tertua di Negara Brunei Darussalam akan dikelilingi dengan projek-projek moden. Yang nyata beberapa buah kampung telah pun dikosongkan bagi projek ini. Yang Kaola tahu hanya tinggal penduduk yang menetap di Kampung Limbungan dan Ujung Bukit sahaja yang menjadi jemaah yang bermukim bagi masjid berkenaan. Mungkin saja kedua-dua kampung berkenaan akan dikosongkan jua, akan termasuk dalam projek menaik taraf ini nanti.

Kemusykilan kaola, jika ini berlaku siapakah yang akan menjadi ahli jemaah yang bermastautin bagi masjid berkenaan bagi mencukupkan bilangan wajib untuk menunaikan solat fardhu Jumaat, dan lagi adakah perkara ini sudah dibincangkan bersama kementerian-kementerian terlibat dalam sama-sama memikirkan bagaimana usaha memakmurkan masjid dengan meramaikan ahli qariah masjid seperti zaman dahulu iaitu zaman masjid mula dibina selain ia menjadi salah satu tempat tarikan pelancong?.

Perkara ini kaola pernah sampaikan semasa muzakarah dengan Jabatan Perdana Menteri. Tetapi kaola rasa ia perlu jua kaola ajukan sekali lagi ke pihak

Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana ianya ada kaitan dengan Majlis Ugama Islam Brunei. Ini berhubung dengan hafiz Al-Quran.

Apa yang kaola teliti dalam Anggaran Belanjawan 2017/2018 KHEU, peningkatan jumlah huffaz adalah antara *indicator* yang diberi keutamaan. Menurut sejarah pada tahun 1992, kita telah dapat melahirkan seorang hafiz Al-Quran yang telah menyelamatkan negara kitani dari tuntutan Fardu Kifayah, dan sekarang bilangan hafiz Al-Quran semakin bertambah. Mudah-mudahan dengan pertambahan ini, Negara akan semakin bertambah berkat.

Cadangan kaola Yang Berhormat Pengerusi, apakah kiranya mereka ini diberi tempat dalam adat-istiadat negara sebagaimana jua Penghulu dan Ketua Kampung, Imam dan Bilal. Mungkin jua lebih diberi keutamaan sebagaimana kedudukan Pehin-Pehin Khatib dan Mudim-Mudim.

Sebagaimana penjelasan yang disampaikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, kuitipan Tabung Dana Masjid mencapai \$4.6 juta dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* melalui kutipan ini akan mula dibina sebuah masjid hasil kutipan dari dana berkenaan. Kalau kaola tidak silap masjid pertama hendak dibina ialah masjid di Kampong Tanjung Bunut.

Sebagai satu cadangan kaola, bisai kiranya ia dapat diberigakan kepada orang awam secara meluas segala perancangan masjid-masjid yang bakal dibina melalui kutipan Dana Tabung

Masjid ini berserta dengan peruntukan jumlah pembinaannya sekali. Mungkin saja dengan mengetahui perancangan masjid yang bakal dibina berserta dengan peruntukan binaannya akan menarik ramai lagi penderma untuk sama-sama mengambil saham dalam pembinaannya. Kita lihat saja, bila ada musibah kebakaran atau bantuan kemiskinan untuk individu tertentu akan menarik ramai yang tampil untuk turut sama memberi bantuan menghulurkan derma dan sebagainya. Maka, kaola memohon cadangan pemberigian ini dapat dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

#### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Kaola mohon izin Yang Berhormat Pengerusi sebelum kaola merespons pandangan-pandangan Yang Berhormat, kaola mengambil kesempatan menjawab soalan yang kaola minta tangguh untuk menjawab daripada Yang Berhormat Awang Haji Hanapi bin Mohd. Siput mengenai pelajar dari pedalaman yang bersekolah di sekolah Arab secara automatik ditempatkan di asrama.

Secara ringkasnya, dengan persetujuan ibu bapa secara automatik sudah dilakukan selama ini bagi pelajar-pelajar dari pedalaman semasa mendaftar ke Sekolah Arab di daerah-daerah, mereka apabila diketahui dari pedalaman akan diberikan tempat tinggal di asrama

secara automatik tetapi dengan persetujuan ibu bapa.

Cuma, pelajar-pelajar tersebut mengikut tingkatan yang tertentu. Kaola ingin menjelaskan bahawa bagi pelajar lelaki akan ditempatkan di MAHAD Islam, Tutong iaitu pelajar Tahun 5 sehingga Tahun 11, dan di asrama Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah di Bandar Seri Begawan bagi pelajar-pelajar pra-u iaitu Tingkatan 6.

Manakala, pelajar perempuan akan ditempatkan di asrama Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan iaitu pelajar Tahun 5 dan Tahun 6 dan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah Perempuan. Asrama Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bagi pelajar Tahun 7 dan Tahun 11.

Jelasnya, Yang Berhormat Pengerusi secara automatik memang dengan persetujuan ibu bapa dan mengikut tingkatan-tingkatan pelajar.

Sekarang, kaola kembali mengenai soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai Projek Regenerasi Sungai Kedayan dan transformasi Bandar Seri Begawan yang menjejaskan beberapa buah kampung iaitu Sungai Kedayan, Bukit Salat, Sungai Kedayan 'B' sudah tiada dan dipindahkan penduduknya ke Rancangan Perumahan Negara dan tinggal lagi Kampung Limbungan yang berdekatan. Soalannya sekarang ialah siapakah lagi yang menjadi penduduk bermastautin

yang akan menjadi jemaah Masjid Omar 'Ali Saiffudien.

Kaola ingin menegaskan dalam perancangan transformasi Bandar Seri Begawan dan perancangan regenerasi Sungai Kedayan, perkara ini memang telah difikirkan, tetapi dalam masa yang sama juga didapati bahawa perkembangan kawasan-kawasan yang dinamakan qariah tadi tadahan bagi sesebuah masjid di negara kitani ini terutama sekali di kawasan yang penduduknya bertambah ramai, tadahan itu sudah makin luas. Umpamanya sahaja kalau pada masa dahulu Masjid Omar 'Ali Saiffudien dibina pada penghujung tahun 50-an dan sehingga pada tahun 60-an, tiada masjid di Sungai Kebun, di Kampung Burong Pingai, di Kampung Tamoi, di Kampung Pelambayan dan di Kampung Pintu Malim. Kalau dikira jemaah yang bermastautin adalah jemaah yang merangkum tetapi apabila masjid didirikan di kawasan berkenaan jemaahnya kalau dikira sudah berkurangnya terbuka lagi di kawasan seperti Mabohai, Jalan Kebangsaan dan Kumbang Pasang dan lain-lain.

Ada lagi masjid iaitu Jame 'Asr Hassanal Bolkiah. Sebenarnya tadahan bagi pemastautin itu sudah luas Yang Berhormat Pengerusi dan untuk mencukupkan 40 orang itu in da kitani watir. Cuma tinggal lagi yang kitani khawatirkan masjid itu karang in da ramai lagi jemaahnya, itu sahaja. Langkah-langkah bagaimana untuk mengatasi supaya masjid itu tidak sunyi sepi, setakat ini kitani melihat di bandar

pada waktu Zuhur, Asar pekerja-pekerja yang di sektor-sektor swasta di sekitar masjid itu menjadi jemaah yang boleh dikatakan masjid itu masih lagi makmur.

Mengenai peningkatan jumlah huffaz ertinya orang-orang yang sudah hafaz Al-Quran sudah bertambah dan mereka ini **الْحَمْدُ لِلَّهِ** dapat juga menjalankan fungsi sebagai menanai demi keberkatan negara ini iaitu orang-orang yang di dalam adanya ada ayat-ayat Al-Quran. Tinggal lagi apakah mereka ini sesuai diberikan tempat di majlis-majlis beristiadat.

Perkara itu bolehlah nanti dilihat dengan pihak-pihak berkenaan kesesuaiannya untuk setandingan mereka dengan orang-orang yang mempunyai kedudukan tertentu yang terdiri misalannya daripada Ketua Kampung orang bergelar dan sebagainya, tertakluk kepada kesesuaiannya menurut pihak-pihak yang berkenaan. Kementerian akan melihat perkara ini.

Kutipan Tabung Dana. Bisai kira ia akan diberigakan secara meluas. Maksud Yang Berhormat ini ialah supaya ada perancangan yang jelas kepada orang ramai. Memang sekarang ini dalam pemikiran Kementerian Hal Ehwal Ugama melihat kepada kemajuan sambutan orang ramai terhadap tabung ini, akan dirancangan misalannya dalam rancangan untuk 5 tahun berdasarkan pendapatan pada masa ini \$200 ribu sebulan, bermakna \$2.4 juta setahun, dalam masa 5 tahun kita akan beroleh \$12 juta ke \$13 juta.

Untuk itu jawatankuasa bolehlah merancang, kutipan sebanyak \$12-\$13 juta dalam tempoh 5 tahun itu berapa sahaja masjid yang akan dibangunkan dan di mana? Berapa sahaja peruntukan lagi untuk pemeliharaan masjid dalam erti kata membesarkan masjid-masjid yang perlu dibesarkan, memperbaiki masjid-masjid yang perlu diperbaiki, menyediakan prasarana-prasarana, kemudahan-kemudahan untuk beribadat di masjid-masjid dan sebagainya.

Kalau sudah payu nanti dirundingkan di peringkat jawatankuasa dan akan dilihat lagi di Majlis Ugama Islam sebagai pemegang dasarnya, kalau yang berkenaan sesuai maka ia akan diberigakan. Lurus seperti nya Yang Berhormat takdirnya sudah dipersetujui akan diberigakan bahawa untuk 5 tahun ini, kutipan kitani dijangka sekian-sekian, kitani akan membangun masjid di kampung ani dan perbaikan masjid untuk ani.

Jadi, untuk perbaikan masjid itu, karang orang-orang merasakan *sense of belongings*, ia melihat kalau ia kelurusan bejalan di keretanya dengan suami isteri `eh lai liat tu masjid ah, ada usin kitani tu' ada semacam kebanggaan jua. Jadi **الْحَمْدُ لِلَّهِ** cadangan Yang Berhormat itu termasuk dalam perkara-perkara untuk difikirkan, sangat baik. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, lebih dahulu kaola menyampaikan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas taklimat dan ucapannya pagi tadi.

Dalam kesempatan ini, kaola rasa terpanggil memberi pandangan dan saranan dalam menyokong Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 2017/2018.

Kaola menyentuh Sekolah Agama iaitu - Sekolah Rendah Ugama (bukan aliran Arab), kalau tidak silap bermula tahun 1956 matlamatnya ialah untuk menyempurnakan fardu ain terutama ibadah sembahyang termasuk ibadah sembahyang serta pandai membaca Al-Quran dan mengamalkannya dan memelihara akidah. Ia bermula dari umur 5 tahun sehingga 11 tahun iaitu setelah berada di sekolah agama 7 tahun. Kita dikejutkan setelah kajian diadakan, bahawa kesempurnaan bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadah sembahyang di sekolah agama dan pengajian-pengajian tinggi masih lemah dan membimbangkan sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Penutupan Musabaqah Al-Quran Peringkat Dewasa beberapa hari yang lepas.

Kaola ingin mencadangkan, supaya Skim Pelaksanaan Skim Pengajaran Sekolah Agama lebih memberatkan penghayatan amalan dan menanamkan rasa takwa dan kehambaan kepada Allah. Daripada prasekolah hingga menamatkan persekolahan dengan mengurangkan penekanan yang lebih berat kepada kelulusan peperiksaan sehingga terabai matlamat tersebut. Kita maklum bahawa sekolah agama ini, kerajaan hanya mengehadkan sampai Darjah 6, ertinya tidak ada Darjah 7, Darjah 8. Setelah lulus Darjah 6, Sijil Darjah 6 itu tidak dapat untuk melanjutkan ke pengajian tinggi kecuali sekolah Arab.

Jadi matlamatnya ialah untuk melepaskan fardu ain iaitu murid-murid yang lulus sekolah agama itu kerajaan ataupun ibu bapa merasakan dan mengharapkan bahawa setelah lulus Darjah 6 fardu ain anak-anaknya telah selesai dan tanggungjawab kerajaan kepada rakyatnya telah selesai, boleh membaca Al-Quran. Jadi tidak timbul lagi masalah tidak pandai membaca Al-Quran, tidak timbul lagi tidak sembahyang kerana di sekolah itu telah ditempatkan guru-guru yang berpengalaman dan secara percuma, peralatan yang lengkap.

Jadi, kenapa ada timbul masalah tersebut, tentu ada masalahnya. Sebab itu mesti ditanamkan roh arah kanak-kanak itu, ia takut meninggalkan sembahyang itu, macam kita yang masa kini, kita meninggalkan sembahyang kita rasa takut dan berat. Kalau boleh ditanamkan daripada umur kanak-kanak

itu dari prasekolah. Itulah yang diharapkan oleh ibu bapa dan kerajaan.

Kaola juga ingin menyentuh mengenai pentadbiran masjid di seluruh negara. Kaola tidak menafikan bahawa Pegawai Masjid telah melaksanakan aktiviti pentadbiran masjid masing-masing. Kaola hanya mencadangkan supaya aktiviti pentadbiran masjid dilaksanakan atau diperkemaskan, diperkasakan supaya aktiviti ke arah pentadbiran masjid yang sebenar dan benar-benar dapat menzahirkan syiar Islam kepada seluruh isi mukim dan kampung tempat masjid itu berada. Ertinya, kalau ada jadual kuliah ugama selepas Maghrib maka ia berjalan berterusan bukan sehari, lepas itu 5 hari, sebulan baru ada, ertinya diperkasakan hingga sentiasa ada.

Kaola maklum bahawa Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui bahagian imarahnya telah menyediakan beberapa program dan aktiviti untuk dilaksanakan di masjid-masjid seluruh negara seperti kuliah mingguan atau harian. Seperti kita maklum ceramah atau kuliah yang berkala diadakan seperti kursus, forum dan pengetahuan belia dan sempena hari kebesaran Islam. Tidak ada alasan untuk pegawai-pegawai masjid tidak melaksanakan pentadbiran masjid lebih kemas dan teratur lagi.

Sebagai tambahan, kaola mencadangkan supaya Jabatan Hal Ehwal Masjid mengadakan aktiviti khusus untuk masjid-masjid utama dan masjid mukim iaitu mempunyai satu identiti yang tersendiri sehingga orang ramai tahu



akan keunikan masjid tersebut melalui aktiviti dan program kursus untuk masjid tersebut sama ada secara mingguan atau bulanan seperti kuliah hadis, tafsir Al-Quran dan sebagainya. Sebagai contoh, setiap malam Khamis masjid 'A' akan mengadakan ceramah hadis, masjid 'B' akan mengadakan ceramah tafsir dan masjid 'C' membaca kitab yang lama misalnya kitab kuning yang disebutkan. Begitulah seterusnya masjid-masjid lain akan mengadakan program-program yang berlainan. Kaola percaya melalui program identiti ini tentunya dapat melahirkan Imam Muallim dan dapat meningkatkan kesedaran terutamanya tentang fungsi masjid yang bukan hanya sebagai tempat beribadat, sembahyang semata-mata tetapi salah satu pusat gedung ilmu.

Menyentuh mengenai pelupusan kitab. Pada masa ini, jika berlaku kerosakan pada Al-Quran dan kitab-kitab di sekolah-sekolah agama, di sekolah-sekolah Arab dan di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan sekolah menengah akan dikumpul dan dimusnahkan oleh Jawatankuasa Pelupusan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Di dalam Dewan yang mulia ini, kaola mencadangkan supaya diadakan tempat pelupusan Al-Quran dan kitab yang dipunyai oleh orang awam kerana sebahagian orang awam berlaku kerosakan Al-Quran dan kitab-kitab. Umpamanya, banjir, tentu ada berlaku kerosakan atau Al-Quran yang sudah lama yang sudah berumur 20-30 tahun. Mereka ini nampaknya membakar sendiri di kawasan rumah

mereka atau membuang ke dalam sungai dan yang menyedihkan ada yang memasukkan kotak plastik dan membuang ke dalam tong sampah, sebagaimana yang kaola nampak.

Oleh yang demikian, tempat pelupusan untuk orang awam sekurang-kurangnya diadakan di setiap daerah ataupun satu di seluruh negara bagi memudahkan orang ramai menghantar dan membuang untuk memusnahkan pelupusan kitab tersebut.

Menyentuh mengenai bantuan fakir miskin. Pada masa ini tidak dapat dinafikan bahawa bantuan kepada fakir miskin adalah melalui wang tunai iaitu dihulurkan secara bayaran bulanan atau mengikut kategori Asnaf masing-masing. Ada juga yang dibayar secara ansuran bulanan melalui bank. Kaola ingin mencadangkan satu yang baharu, mungkin boleh dibuat suatu masa nanti iaitu dengan memberi pinjaman kepada mereka yang layak untuk meminjam wang, untuk kegunaan berniaga misalnya secara kecil-kecilan iaitu dengan melihat kadang-kadang keluarga itu ada daripada anaknya setelah berjaya tetapi tidak dapat menamatkan persekolahannya tetapi ada minat berniaga secara kecil-kecilan.

Jadi disediakan kewangan \$5,000 ke bawah, tetapi mesti dibayar supaya kita melatih jangan sampai mereka ini hanya menerima bantuan sampai seumur hidup mereka. Dengan adanya bantuan pinjaman tersebut mereka merasa bertanggungjawab dan mereka satu masa nanti akan melepaskan

diri mereka daripada berterusan sebagai orang yang memerlukan bantuan sampai seumur hidup mereka.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. الْحَمْدُ لِلَّهِ perhatian kepada pelajaran ugama ini semakin meningkat terutama sekali setelah beberapa hari mendengar titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini.

Memanglah, sudah pasti bahawa kajian itu sebagaimana yang dititahkan oleh baginda pada tahun lepas dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama dengan Kementerian Pendidikan telah membuat kajian kerana ia melibatkan semua murid dan pelajar dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Hasil kajian itu telah menemukan langkah-langkah mengatasi dari sembahyang dan langkah-langkah mengatasi akan difikirkan berdasarkan penemuan-penemuan tersebut.

Satu aspek yang menarik daripada Yang Berhormat itu, ialah tentang penekanan pelajaran dalam persekolahan agama iaitu sekolah rendah agama dari darjah pra hingga Darjah 6, yang tujuan asalnya ialah kerajaan melepaskan tanggungjawabnya dengan mendidik sebagaimana jua seperti ibu bapa dalam keluarga dengan mendidik rakyatnya yang Islam supaya dapat menunaikan fardu ain. Fardu ain dari segi amalan,

kewajipan yang ditentukan dalam rukun dan juga dari segi akidah dalam perkara mengenai Rukun Iman dan Rukun Islam. Jadi masalah inilah yang antaranya yang sedang berlegar di pemikiran kita termasuk Yang Berhormat terutama sekali Yang Berhormat mempunyai pengalaman dalam bidang ini. Tidak dinafikan untuk masa depan, berikutan daripada perubahan-perubahan dalam senario pendidikan kita, kita akan menentukan apa sebaik-baiknya mata pelajaran yang dapat ditawarkan oleh sekolah agama dan bagaimana penekanan untuk mencapai objektif matlamat yang sebenarnya.

Pada masa ini ialah ada mata-mata pelajaran dengan sedemikian bentuk rupanya, pelajaran-pelajaran akhlak dan sebagainya yang dinamakan tasauf pelajaran adab sebenarnya itu. Jadi semuanya akan kitani *consolidate* bagaimana ia dapat mendukung hasrat yang sedemikian itu. Sebenarnya hasil daripada kajian itu adalah membuka mata sebesar-besarnya untuk menerima hakikat, sejauh mana persekolahan agama rendah sudah mencapai objektifnya dan ke hadapan bagaimana dan apa lagi yang dapat dibuat. Bahkan kitani memikirkan kalau menyebut tadi itu, pada masa ini sudah ada umpamanya, ini suatu perkara yang pratikal untuk kitani fikirkan.

Pada masa ini ada pelajaran-pelajaran agama yang seperti orang ramai/ibu bapa merasakan tidak cukup di sekolah lalu mereka mendatangkan guru-guru untuk mengajar anak-anak mereka sembahyang dan mengaji. Mana-mana

ibu bapa yang mampu, yang boleh membimbing, mengajar sembahyang dan mengaji mereka lakukan sendiri tetapi sebahagiannya walau mampu tetapi oleh sebab kesibukan-kesibukan yang tertentu, mereka *outsource* mengenai perkara-perkara ini.

Jadi ini menandakan satu rasa tidak *secure* bahawa anak-anak mereka ini setelah pun belajar di sekolah agama namun tidak kelihatan ia terjamin melaksanakan kewajipan-kewajipan agama. Hal-hal sedemikian inilah memberikan ilham dan masukan bagaimana kitani memperbaiki persekolahan agama pada masa hadapan dan untuk diperkembangkan seterusnya, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kalau kitani sudah nanti menemukan satu formula tertentu selari dengan dasar pelajaran kebangsaan kitani.

Berhubung dengan pentadbiran aktiviti masjid. Kitani masih ingat barangkali beberapa tahun dahulu, Kementerian Hal Ewhal Ugama berusaha dan berjaya mendapatkan beberapa jawatan bahkan jawatan baharu dalam erti kata pegawai-pegawai masjid berijazah. Sekarang ini mereka itu sama ada menjadi Imam atau sebagai jadi Pentadbir Hal Ewhal Masjid.

Dari rancangan asalnya pun mereka inilah yang akan menjadi pusat atau sumber ilmu di masjid-masjid di kariah masing-masing, itulah harapan. Lalu diadakan beberapa program Takmir Masjid yang bersifat keilmuan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat mengakui perkara ini sudah ada, tinggal lagi perlu ditingkatkan pentakmirannya dan Kementerian Hal Ewhal Ugama bersetuju dan mengalukan pemikiran sedemikian itu bahawa kita perlu meningkatkan dan mengaktifkan apa yang sudah sedia ada ini dan mencari ruang-ruang baharu untuk memperbaikinya lagi termasuk seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Bahawa ada aktiviti-aktiviti khusus bagi sesebuah masjid di mukim dan kampung dengan secara bergilir-gilir masjid itu akan dikenali pada hari-hari tertentu mengadakan aktiviti membaca hadis, kitab-kitab lama, tafsir Al-Quran, tazkirah dan sebagainya. Ini satu cadangan yang baik untuk meningkatkan aktiviti satu dan untuk mutu aktiviti itu. Tinggal lagi bagaimana ia akan berjaya tetakluk juga bagaimana setiap orang yang dipertanggungjawabkan itu akan dapat melaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Dalam hal ini, Kementerian Hal Ewhal Ugama memandang ke hadapan dan berazam untuk cuba menyelesaikan isu-isu, umpamanya ada hal-hal yang negatif yang dirasakan oleh jemaah-jemaah yang tidak sepatutnya terus menerus berlaku dan tidak diambil tindakan oleh kementerian atau Jabatan Hal Ewhal Masjid. Kementerian Hal Ewhal Ugama, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan memandang ke hadapan dengan serius dalam perkara ini kerana perkara ini sudah sampai kepada satu peringkat yang agak kronik kalau tidak diselesaikan dari sekarang. Jadi kaola mengalukan pandangan-pandangan yang sedemikian;

Mengenai pelupusan kitab dan mushaf terutama sekali yang dikatakan memanglah ada kalau kepunyaan kerajaan iaitu sekolah-sekolah dan kenapa ada tempat pelupusan yang tertentu dengan ada jawatankuasanya dan sebagainya tetapi bagaimana dengan orang ramai dan akibatnya kerana tidak ada tempat yang tertentu orang ramai melakukan pembakaran hingga meletakkan atau membungkusnya dengan plastik dan meletakkannya di tempat pembuangan sampah dan sebagainya. Ini perlu diaturkan. Kaola menyambut baik perkara ini untuk kementerian mengambil sebagai bahan untuk difikirkan bagaimana sebaik-baiknya.

Agihan kepada fakir miskin supaya memberikan pinjaman. Ada satu perkara iaitu, zakat adalah untuk asnaf dan fakir miskin yang akan diberikan pinjaman ini adalah asnaf. Sebenarnya mereka tidak perlu meminjam dan tidak perlu diberi pinjaman. Kalau benar-benar mahu berusaha dan usahanya itu benar-benar *viable*, ada tanda-tanda untuk berjaya, sila datang ke Bahagian Zakat, Majlis Ugama Islam untuk mengemukakan perkaranya. Sama juga misalannya bank, memerlukan satu perancangan bisnis macam itulah juga bagi Majlis Ugama Islam Bahagian Zakat ingin mengetahui perancangannya. Kalau benar mereka itu asnaf, mereka tidak perlu meminjam, mereka akan diberi modal.

Dalam program sekarang ini pun ada sedemikian dan pernah sudah berlaku tetapi *percentage* kejayaannya tidaklah boleh kalau kaola sebut sebagai

membanggakan Yang Berhormat Pengerusi malah sebaliknya. Pengalaman-pengalaman yang lalu untuk menjadi nelayan diberikan perahu dan alat-alat menangkap ikan tetapi tidak sampai ke mana dan untuk menjadi penambang diberikan perahu dan enjin tetapi juga telah dijual dan sebagainya.

Jadi ini tidak dapat disalahkan dalam erti kata Majlis Ugama Islam bukannya orang-orangnya yang akan memantau kejayaan sesuatu bisnis yang diusahakan oleh orang-orang yang dibantunya. Jadi dalam hal ini, dalam erti kata yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu pinjaman, bagi kaola selama ia fakir miskin dan ia akan berusaha zakat akan sedia menunggunya. Macam itulah Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ تَلِیْکُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu terima kasih atas ucapan pendahuluan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Di bawah Tajuk SJ01A/004/001 - Pemakanan dan Barangan Halal. Kaola ingin mengetahui tentang anggaran perbelanjaan yang meningkat dari tahun 2016/2017 ke tahun 2017/2018 dan di mana peruntukan itu diutamakan.

Kaola berharap bahawa sebahagian perbelanjaan ini akan diusahakan untuk meningkatkan proses permohonan Sijil Halal secara *online* dengan sepenuhnya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pertanyaan daripada Yang Berhormat, kaola memohon untuk menanggungkan bagi merujuk kepada pihak-pihak berkenaan secara jelasnya kerana mengenai peruntukan agak terperinci dan yang kedua perancangan untuk permohonan Sijil Halal secara *online*. Diharap Yang Berhormat memberikan waktu yang cukup. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

### **Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi,  
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
 اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ  
 dan salam sejahtera. الْحَمْدُ لِلّٰهِ

Kaola ingin mengemukakan isu-isu berkaitan Tajuk SJ01A Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 Kementerian Hal Ehwal Agama, Kod Akaun 005/003 iaitu Pengajian Menengah yang berjumlah \$69,201,550.00. Kod Akaun 005/004 Pengajian Rendah berjumlah \$94,444,690.00 dan Kod Akaun 002002 Pentakmiran Masjid \$15,785,450.00. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam peruntukan ini kaola bercakap mengenai

memperkasakan bacaan Al-Quran di pengajian rendah, pengajian menengah dan dalam pentakmiran Masjid. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan kaola:-

1. Adakah Anggaran Perbekalan ini boleh digunakan ke arah pendidikan Al-Quran. Kaola mempunyai pemikiran pendidikan bacaan Al-Quran betaranum sudah sampai masanya diajar secara menyeluruh dari peringkat kanak-kanak di sekolah-sekolah agama dan sebagai kesinambungan kita memerlukan pendidikan ini di masjid-masjid bagi menampung dan menghalusi bacaan. Sehubungan ini, jika besesuaian qari dan qariah yang pernah mengikuti pertandingan antarabangsa supaya ditugaskan melaksanakan tugas ini iaitu bacaan Al-Quran secara betaranum. Jika bilangan qari dan qariah itu belum begitu ramai adalah dicadangkan supaya pembahagian penempatan di masjid-masjid mukim yang ramai penduduk sahaja dahulu?;
2. Permulaan di setiap daerah misalnya 3 qari dan 3 qariah di Daerah Brunei Muara. 1 qari dan 1 qariah di Daerah Temburong, 2 qari dan 2 qariah di Daerah Tutong dan 2 qari dan qariah di Daerah Kuala Belait secara tetap. Jika tidak mencukupi bolehlah dilaksanakan secara berjadual. Hal ini dapat membantu meningkatkan bacaan Al-Quran cara teranum dan

mencerahkan peluang orang ramai, qari dan qariah di negara kita ikut serta apa jua pertandingan-pertandingan antarabangsa. Selain itu menggalakkan kanak-kanak remaja dan belia datang ke masjid agar menjadi budaya dan kebiasaan mengimarahkan masjid menerusi aktiviti bacaan Al-Quran taranum.

Di samping itu, seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa Majlis Pertandingan Akhir Musabaqah pada 9 Mac 2017 mengenai perlunya dipelajari bacaan Al-Quran cara betaranum. Membaca Al-Quran berkumpul bersama ibu bapa dan anak-anak boleh mengukuhkan institusi keluarga.

Oleh itu, disarankan kalau boleh dilaksanakan pula sambutan Minggu Keluarga Al-Quran yang pengisian acara dipelbagaikan seperti membaca Al-Quran, mentafsir, memahami makna, menulis ayat-ayat Al-Quran dan lain-lain yang berkaitan. Kaola petik titah *Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan* dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada 17 Ramadan 1433 bersaman 5 Ogos 2012. Antara lain titah baginda "ke arah menjayakan gagasan ini, semua keluarga di negara ini perlulah memberikan perhatian yang serius terhadap pengajian Al-Quran bagi

kanak-kanak. Tidak ada siapa yang patut terkecuali daripada tanggungjawab ini. Sesungguhnya tidak syak lagi keluarga yang hebat lagi bahagia itu adalah keluarga Al-Quran";

3. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tadi pagi bagi menjawab soalan salah seorang daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan ada 2 masjid di Daerah Tutong termasuk di dalam perancangan untuk dibina;
4. Sehubungan dengan itu, kaola mengambil peluang dalam Tajuk ini untuk menyampaikan hasrat penduduk Kampung Ukong di Daerah Tutong yang sudah ramai penduduknya beragama Islam agar termasuk dalam rancangan tersebut yang sudah ada mempunyai tapak yang diwakafkan oleh seorang hamba Allah. Untuk makluman selama ini penduduk Kampung Ukong bersembahyang kadang-kadang di Masjid Kampung Bukit, Kampung Bukit Udal, Kampung Penapar dan Kampung Tanjung Maya yang agak jauh dari Kampung Ukong terutama kekhawatiran keselamatan perjalanan pada waktu malam bagi mengerjakan solat Maghrib, Isyak dan Subuh yang mana laluannya menerusi jalannya dikelilingi hutan yang sunyi sepi. Ingin bertanya perkembangan pembinaan Masjid Rambai dan Masjid Lamunin? dan

5. Yang Berhormat Pengerusi seterusnya Kod Akaun 001/002 Pengurusan Haji. Sebelum bertanya kaola merakamkan ucapan tahniah kerana kejayaan perundingan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Kerajaan Arab Saudi menambahkan kouta haji kepada 1,000 orang daripada 400 orang sebelumnya.

Kaola ingin penjelasan kenapa ada pakej haji atau pakej umrah yang tidak selaras iaitu ada agensi mengenakan harga yang tinggi dan ada agensi mengenakan harga jauh lebih murah. Sedang ia mempunyai destinasi yang sama. Contohnya yang jauh lebih murah lagi adalah pakej haji bagi negara jiran sungguh pun jemaah bagi negara kita tinggal di tempat penginapan yang sama. Adakah harga pakej haji ini boleh diselaraskan setiap agensi pakej haji dan umrah?

Sekian dan Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Agama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tidak jelas apa yang *disaluki* Yang Berhormat itu. Pertanyaannya yang dapat kaola tangkap seperti tangkap-tangkap burung merpati. Kaola faham Yang Berhormat itu menyebut mengenai peruntukan.

Adakah Peruntukan yang disebut itu dapat mendukung program-program bagi meningkatkan pembacaan pelajaran Al-Quran?.

Jawapannya memanglah peruntukan-peruntukan tersebut dapat mendukung bahkan daripada mana-mana Tajuk lain yang bersesuaian boleh juga mendukung tujuan tersebut. Tujuan untuk memperbaiki mutu pembacaan Al-Quran sudah pun disebut tidak memadai setakat apa sudah nampak apa yang ada di persekolahan agama walaupun sekolah agama sudah pun mengadakan beberapa program tetapi kitani perlu turut serta lagi menggiatkannya dan seterusnya. Ertinya Yang Berhormat tidak saja menyebut di sekolah-sekolah tapi supaya dilakukan di masjid-masjid. Di masjid-masjid ada program mukadam di hujung minggu, program Al-Quran dan bimbingan muslimah dan sebagainya.

Semuanya itu ada. Yang ada juga ialah di sekolah-sekolah ada program-program untuk peningkatan bacaan ini. Yang Berhormat menyentuh mengenai bacaan berteranum. Kitani pun **الْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan perhatian yang berat daripada kepimpinan yang tertinggi melalui sabda malah melalui titah supaya kitani meningkatkan untuk pembacaan di Brunei ini ke peringkat taranum dan difikirkan cara-caranya dan mulai tahun lepas pun hal ini sudah dimulakan untuk memikirkannya dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada masa ini dan masa hadapan akan difikirkan yang lebih serius dalam satu rangka kerja yang teratur dan bersistem dengan tujuan matlamat yang jelas.

Tentang bertaranum ini kalau di sekolah-sekolah memang ada skimnya. Skimnya itu misalannya beberapa kanak-kanak yang lancar bacaannya dan bagus sudut-

sudutnya dari segi tajwidnya dan suaranya ia dimasukkan dalam Skim *STAR* (Skim Tilawah Al-Quran Remaja). Mereka dilatih untuk membaca Al-Quran secara bertaranum, ilmu, teori dan secara amali. Ini akan kita kembangkan Tidak ada soal lagi bahawa kitani setelah beberapa kali mencapai tempat yang baik dalam peraduan peringkat antarabangsa kitani berusaha melatih qari-qari kitani secara bermusim tetapi tidak menjadikannya sebagai suatu ilmu yang dipelajari secara teori dan amali.

Maka ke arah itu telah pun kitani sepakat melalui titah dan melalui sabda dan akan mendorong kitani untuk melaksanakannya *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* Tadi ada cadangan kalau kaola tidak silap ialah menyebut supaya pembacaan Al-Quran ini secara bekeluarga lebih berkesan untuk menimbulkan lagi semangat kekeluargaan, merapatkan kekeluargaan dengan belurh berkat. Lalu dicadangkanlah ada Minggu Keluarga Al-Quran. Jadi cadangan ini bolehlah kaola mengambil catatan untuk pihak kementerian memikirkannya kesesuaiannya bagaimana ia dapat dilakukan.

Mengenai Masjid Kampung Ukung. Tapi Masjid Kampung Ukung kaola tadi tidak menyebutkan di mana 2 buah masjid yang akan dibina di Daerah Tutong dalam RKN Ke 11. Semoga tertakluk kepada keadaan kewangan yang akan mengizinkannya Masjid Ukung yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu termasuk dalam senarai rancangan yang tersebut Kaola tidak jelas apa maksudnya macam mana

perkembangan Masjid Rambai dan Lamunin. Perkara itu nanti kaola minta tempoh dan seterusnya akan mendapatkan maklumat daripada pihak yang berkenaan.

Mengenai Pakej Haji ini tahun lepas pun sudah ada kaola menyebutkannya supaya operator-operator haji dan umrah berusaha untuk walaupun tidak dapat mengurangkan kos yang dikenakan kepada jemaah sama ada jemaah haji atau jemaah umrah tetapi dapat menahan kenaikannya yang nampaknya *trend* kenaikan itu tahun demi tahun agak mendadak. Pada tahun 2012 membawa kepada tahun 2016 peningkatan dalam skim pakej-pakej itu amat mendadak juga agak besar dan kementerian diberitahu oleh *operator-operator* ada kaitannya dengan kenaikan tempat penginapan.

Adapun kenaikan yang dapat dikawal oleh kementerian ialah berhubung dengan apa yang dapat dirundingkan dengan pihak caj yang dikenakan oleh pihak-pihak yang berkenaan oleh Kerajaan Arab Saudi dalam urusan haji ini. Jadi itu dapat dirundingkan sejauh mana. Misalannya macam di Mashair tahun lepas sekian jumlahnya dan tahun ini pihak pengurusan haji Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dapat berunding dan berjaya mengekalkan harga lama itu di Mashair, di Arafah dan Mina tidak dinaikkan. Mudah-mudahan dengan itu jadi tidaklah kenaikan yang mendadak kalau ada juga maka perkara itu bisai kitani fikirkan misalnya ada *operator* yang sudah mengemukakan cadangannya kepada kementerian



melalui jemaah Penasihat Haji mengadakan pakej-pakej tertentu. Mudah-mudahan pakej-pakej tertentu itu juga tidak menjadikan urusan ataupun untuk menunaikan haji terutama bagi orang yang pertama sekali untuk menyempurnakan haji fardunya.

Kaola mengucapkan terima kasih kerana penghargaan yang diberikan bukan kejayaan sebenarnya itu. Kejayaan mendapatkan 1,000 kouta adalah atas ihsan Kerajaan Arab Saudi kepada Brunei. Mudah-mudahanlah ini akan dapat kitani hargai dengan sepenuh-penuhnya dan kitani berterima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi kerana memberikan ihsan yang sedemikian.

Satu perkara yang kaola ingin rekodkan ialah;

1. Pihak Hal Ehwal Haji Kerajaan Arab Saudi sangat memberi perhatian kepada jemaah kitani yang dinilai mereka sebagai jemaah yang sepenuh masa benar-benar menunaikan niatnya untuk beribadat, tidak mencampuradukkan dengan hal-hal lain dan kerana itulah kita dipuji.
2. Kitani dipuji kerana mempersiapkan jemaah-jemaah kitani dari segi latihan-latihan dan bimbingan.
3. Kitani mengurus dengan mereka secara baik. Mudah-mudahan hal ini akan dapat kitani teruskan dan hubungan kitani dengan

pihak berkenaan dalam urusan haji Arab Saudi akan bertambah mesra dari semasa ke semasa untuk faedah jemaah kitani dan juga faedah kedua-dua kerajaan yang bersahabat. Sekian Yang Berhormat. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
dan salam sejahtera. Dalam kesempatan ini juga kaola ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi. Kita sangat gembira kerana telah berjaya menerbitkan Tafsir Darussalam di negara ini. Cuma masih terdengar suara-suara yang mengatakan bahawa *volume* awal (*volume* pertama) agak susah didapati pada waktu ini. Sehubungan dengan itu, sukacita akan mendapat penjelasan mengenai perkara tersebut?

Seterusnya sukacita juga untuk mengetahui adakah Kementerian Hal Ehwal Ugama berhasrat untuk menerbitkan atau mencetak Al-Quran mushaf Brunei Darussalam yang bersaiz kecil bagi memudahkan ia dibawa ke mana-mana tempat yang

bersesuaian. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kaola memohon supaya diulang lagi soalan yang pertama yang tidak jelas, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** *Volume* yang pertama, Yang Berhormat, yang susah didapati pada masa ini.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Maksud Ahli Yang Berhormat, terbitan yang bercurai (berasingan)?

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Ya, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Untuk pengetahuan Majlis, penerbitan tafsir secara bercurai (berasingan) itu memang terhad. Ia diterbitkan sebagai persediaan dalam bentuk *volume* yang besar sebagaimana yang ada yang berjumlah 30 jilid (30 curai) dan setiap jilid mengandungi 3 juzuk. Jika berkebetulan Ahli Yang Berhormat mendapat siri pertama, dan tidak mendapat siri yang kedua, maka ia memang susah untuk mendapatkannya. Pada masa ini memang tidak diterbitkan lagi. Itu yang dapat kaola terangkan.

Mengenai saiz ini, mushaf Brunei mempunyai 2 saiz iaitu saiz besar untuk keluarga. Setiap keluarga Islam, mendapat sebuah mushaf untuk diletakkan di sudut rumah seperti tempat

bilik sembahyang dan dibaca dari semasa ke semasa dan sebagainya. Manakala satu saiz lagi yang kecil daripada biasa, seperti mushaf Al-Quran biasa dibaca, tetapi ia hanya diedarkan untuk sekolah-sekolah agama.

Mengenai hajat Ahli Yang Berhormat supaya mushaf itu diterbitkan dalam saiz kecil, pada masa ini keutamaan Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah untuk menerbitkan tafsir selengkapnya. Bukan tafsir setakat makna tetapi tafsir dan huraian. Oleh yang demikian, Panel Masyaikh bekerja ke arah itu **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Ia akan diterbitkan secara *volume-volume* dan juga secara bercurai (berasingan) sebelum ia diterbitkan dalam *volume* yang besar atau *volume* yang tertentu nanti, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Oleh yang demikian, keutamaan pada masa ini, tidaklah ada untuk menerbitkan dalam saiz yang kecil daripada penerbitan yang kedua yang ada pada masa ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @Jahari:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**  
**اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ**  
Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas penerangan mukadimah yang dibentangkan mengenai Kementerian Hal Ehwal Ugama. Mudah-mudahan

dikurniakan kemenangan dengan rahmat Allah.

1. Kaola ingin bertanya mengenai Tajuk SJ01A. Apakah ada perancangan untuk meningkatkan peruntukan pendidikan agama di peringkat kebangsaan untuk mengimbangi pendidikan sekular berbanding pendidikan agama? Berapa peratuskah keseimbangan pendidikan agama berbanding dengan pendidikan sekular di peringkat pendidikan kebangsaan masa kini?;
2. Daripada persoalan ini, kaola menjunjung dan mengambil positif titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan kebimbangan mengenai mutu bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadah sembahyang dalam kalangan pelajar kesemua peringkat persekolahan dan pengajian masih lemah yang telah dititahkan sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1438/2017 baru-baru ini. Baginda juga bertitah untuk mengatasi kelemahan ini. Pelajaran agama yang ada setakat ini hendaklah terus dipantau dan sentiasa dinilai keberkesanannya.

Jika keseimbangan pendidikan agama masih rendah, kaola ingin mencadangkan supaya pendidikan agama diseimbangkan berbanding

dengan pendidikan *secular* sekurang-kurangnya 50% dalam pendidikan kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Ini mampu meningkatkan amalan beragama dalam Negara Brunei Darussalam;

3. Seterusnya merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara baru-baru ini. Baginda telah menyentuh tentang isu-isu keperluan tenaga manusia serta beberapa cara menangani masalah pengangguran termasuklah graduan-graduan yang belum mendapat pekerjaan bahawa baginda sendiri telah memperkenalkan Program *I-RDY (I-Ready)*.

Selaras dengan itu, kaola ingin mencadangkan jika masih terdapat graduan-graduan dalam bidang agama seperti KUPU SB, UNISSA dan juga mana-mana keluaran universiti di luar negeri di bidang agama untuk disalurkan ke masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat bagi membimbing dan mengajar untuk menambah nilai pembacaan Al-Quran, menghalusi sembahyang dan pembelajaran Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Ini dapat membantu keberkesanan pelajaran agama dalam masyarakat awam di kampung-kampung dan di mukim-mukim. Ini juga menambah aktiviti mengimarahkan masjid. Graduan-

graduan juga akan sentiasa memelihara ilmu mereka dan mendatangkan manfaat kepada orang ramai;

4. Seperti yang diketahui, bahawa Kampung Bebuluh masih mempunyai penduduk yang belum beragama Islam. Pada tahun-tahun yang terdahulu, pihak-pihak berkenaan masih aktif mengadakan dakwah di kampung tersebut tetapi pada masa kini agak berkurangan. Diharapkan pihak yang tertentu supaya dapat mengatasi masalah tersebut; dan
5. Mengenai tanah wakaf yang terbiar. Beberapa bidang tanah wakaf untuk membina masjid terbiar begitu sahaja seumpamanya bekas-bekas tapak Masjid Kampung Sengkurong, Kampung Lumapas, Kampung Pangkalan Batu dan tanah yang terbiar begitu sahaja seperti cadangan membina masjid di Kampung Tanjung Nangka. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan adakah keperluan untuk meningkatkan peruntukan pendidikan agama berbanding dengan pendidikan sekular. Apa pendidikan sekular ini, Yang Berhormat Pengerusi?

Bagi kitani di Negara Brunei Darussalam, yang dikerjakan oleh rakan sejawatan

kaola Yang Berhormat Menteri Pendidikan, itu bukanlah pendidikan sekular. Kitani di Negara Brunei Darussalam, istilah sekular itu sebenarnya tidak ada, kerana belajar Ilmu Hisab sebahagian daripada ilmu, yang disebutkan ilmu umum bukan ilmu khusus agama. Begitu juga dengan mata-mata pelajaran lain seperti Sains, Bahasa dan Matematik.

Adapun yang dinamakan sekular ini ialah pelajaran pendidikan yang mengajar tidak bertuhan iaitu menolak ketuhanan, yang menjadikan pemikiran orang *liberal*, melepaskan daripada norma-norma sosial dan hukum-hukum dan sebagainya. Tetapi kitani jangan menyebut mengenai hal ini sehingga terkeliru mengenainya kerana jika kitani betul-betul berpegang kepada *secular* itu tentang pelajaran pendidikan yang menolak agama, seolah-olah kitani menyebut apa yang diusahakan oleh kerajaan kitani pada masa ini untuk meningkatkan pendidikan rakyat melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Disebut Kementerian Pendidikan *secular* tetapi Kementerian Hal Ehwal Ugama sahaja Islam? Tidak ada perkara sebegitu di Negara Brunei Darussalam dan jangan kitani mengasuh pemikiran sedemikian terutama sekali jangan kitani memberi isyarat-isyarat yang salah dan mengelirukan orang ramai dari Dewan ini.

Oleh yang demikian, kaola hanya akan menjawab perkara ini dari segi persoalan kedua, apakah ia akan menjadi suatu dasar oleh sebab pendidikan agama ini penting kita sebagai masyarakat dan

bangsa, maka ia diseimbangkan jangan kalah daripada pendidikan yang bukan sekular, pendidikan umum. Dasar kita bukan sedemikian, dasar kita memberikan peruntukan ialah berdasarkan keperluan yang berbangkit.

Misalnya, tanggungan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan bagi semua jajaran pendidikan yang dalam tanggungjawabnya adalah besar berbanding dengan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam pendidikan agama, Sekolah Arab, Mahad, Tahfiz dan KUPU SB. Jadi tidak dapat diseimbangkan beberapa peratus, atau apa lagi untuk diseimbangkan.

Jadi hal-hal yang tidak praktikal begini mestilah kita halusi sebenar-benarnya sebelum ia dikeluarkan sehingga nanti dikeluarkan sedemikian ini orang salah faham bahawa kita tidak mengambil berat hal ehwal pendidikan agama yang mengutamakan pendidikan umum yang disebutkan oleh Yang Berhormat, jadi itulah soalan yang pertama atau cadangan yang pertama.

Dari segi tenaga manusia graduan-graduan supaya digunakan di masjid-masjid, sebenarnya mereka ini secara proaktif, ada graduan-graduan yang menubuhkan *Huffaz Management* yang sekarang ini dalam *Umbrella Dare*. Ada graduan-graduan yang meminta mendapatkan tauliah mengajar agama dan mengajar al-Quran yang disebut *engage* oleh keluarga selain mengajar di institusi tertentu. Tinggal lagi sejauh mana mereka ini dapat diserapkan dengan bilangan yang ramai atau menyerapkan dirinya dengan keperluan

yang ramai dan mudah-mudahan *I-RDY* yang akan diperkenalkan mulai bulan depan mereka akan juga berusaha menyerapkan diri mereka ke dalam *I-RDY (I-Ready)* itu untuk melengkapkan diri mereka dalam bidang yang ada keperluan di Brunei untuk mengadakan sekolah swasta agama.

Sudah ada keperluan sedemikian, jadi mereka harus berfikir secara ke hadapan bagaimana mereka dapat terlibat dalam usaha ini, kerana sudah nyata bahawa ibu bapa ada yang meminta anak-anak mereka diajar di rumah sebagai tuisyen dan sebagainya. Begitu juga, mata-mata pelajaran agama sudah ada diajarkan secara tuisyen, jadi semua ini mudah-mudahanlah akan membuka peluang dan mereka tidak menyia-nyiakan peluang yang ada dengan merebut peluang-peluang tersebut dengan sebaik-baiknya kerana bukan Kementerian Hal Ehwal Ugama sahaja semata-mata memikirkan graduan-graduan yang belum mendapat pekerjaan dalam perkhidmatan agama sahaja. Kaola menyebutkan KUPU SB ada 51% yang belum berkhidmat lepasan graduasinya sementara daripada biasiswa yang diberikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama ada 50% yang belum berkhidmat, kalau dikira mengikut bidang ialah 97% daripada 50% itu adalah bidang agama dan 3% adalah bidang umum.

Ertinya biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam bidang agama 97% daripada 50% yang belum bekerja itu adalah bidang agama dan 3 peratus daripada jumlah bidang umum yang juga mendapat biasiswa Kementerian Hal

Ehwal Ugama belum mendapat pekerjaan.

Dari keperluan tenaga pengajar, tenaga pengajar di sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah Arab sangat memerlukan mereka, tetapi kita menghadapi kenyataan bahawa untuk menyerap mereka ke dalam jawatan-jawatan yang tertentu dalam bidang pendidikan sangat terhad dalam keadaan sekarang ini. Mudah-mudahan dalam perancangan tenaga, keperluan masa depan termasuk merancang penganugerahan biasiswa-basiswa kita akan merancang mengikut keperluan yang sebenar-benarnya yang dapat kita buat. Dalam masa yang sama kita tidak menghalang untuk anak-anak rakyat negara ini meningkatkan mutu pendidikan agama mereka sampai ke peringkat yang tinggi. Tujuan memberikan ilmu satu perkara, memberikan pekerjaan satu perkara untuk mereka mendapatkan pekerjaan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Ada 2 soalan lagi Yang Berhormat Pengerusi. Kampung Bebuloh sebahagian mereka belum memeluk agama Islam. Pada masa dahulu dakwah agak kuat kerana ada pusat pengembangan agama, kegiatan dakwah Kampung Bebuloh. Pada tahun lepas ada beberapa orang dari kampung itu yang menerima hidayat memeluk agama Islam, الْحَمْدُ لِلَّهِ

Jadi perhatian supaya digiatkan dakwah di kampung itu, kaola ada mencatatnya Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai beberapa bidang tanah wakaf masjid

terbiar juga kaola ambil catatan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih atas penerangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Kaola ingin menimbulkan 3 isu ataupun saranan dan cadangan:

1. Sebagai tambahan kepada cadangan memperhebatkan usaha mentakmirkan masjid sebagai pusat kecemerlangan. Kaola ingin mencadangkan supaya kutipan tabung masjid itu bukan hanya digunakan untuk maslahat masjid sahaja tetapi juga untuk membantu masyarakat.

Kaola sangat-sangat tertarik dengan keadaan bahawa terdapat organisasi di negara kita malah ada organisasi yang kena-mengena dengan rumah ibadat sebuah agama lain di negara kita yang mengiklankan di dinding-

dinding rumah ibadat mereka itu seolah-olah mengiklan bagi menolong masyarakat.

Mana-mana masyarakat yang memerlukan pertolongan diiklankan dan disimpan di dinding-dinding rumah ibadat mereka seperti misalnya jika ada ahli-ahli masyarakat yang memerlukan pertolongan, pembiayaan untuk belajar sila datang kemari atau pun apa-apa lain keperluan, dipanggil masyarakat itu untuk mendaftar di tempat tersebut, malah ada projek-projek anak angkat rumah ibadat tersebut dengan memberi *sponsor* anak-anak yang berkeperluan ini di bawah *sponsored* mereka dan pertolongan itu diberikan dengan begitu nampak ikhlas seolah-olah tidak ada apa-apa niat lain.

2. Alangkah eloknya jika masjid-masjid kitani di papan-papan kenyataannya itu dipamerkan juga misalnya iklan-iklan mengenai usaha menolong masyarakat dengan tema yang kaola terfikir ialah "Bersama Membina Masyarakat Penyayang". Barangkali slogan ini boleh digunakan oleh belia masjid dan dikembangkan lagi membina masyarakat penyayang, menolong masyarakat.

Kaola mengambil maklum pada masa ini ada sudah Skim Perkhidmatan bagi Imam-Imam. Walau bagaimanapun kaola ingin mengetahui sejauh mana Skim Perkhidmatan ini berjalan pada masa ini dan adakah cadangan untuk

mengemaskinikan lagi skim perkhidmatan ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah pun tadi menerangkan penyerapan beberapa lulusan-lulusan pengajian tinggi menjadi Imam dan sebagainya. Kaola sangat-sangat tertarik perkara ini kerana terdapat beberapa orang Imam di masjid besar, Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin dan sebagainya telah pun menunjukkan prestasi mereka yang cemerlang. Dalam hal ini bukan sahaja menjadi Ketua Pengurus Masjid, tetapi juga pemimpin masyarakat dengan bacaan-bacaan Al-Quran yang baik dan jadi contoh kepada masyarakat.

Kaola ingin tahu sejauh mana Skim Perkhidmatan ini sudah berjalan dan adakah untuk direviu untuk dipertingkatkan lagi dengan menambah baik skim ini berdasarkan keperluan pada masa ini dan kitani juga mengambil maklum imam-imam yang ada pada masa ini datang dari berbagai-bagai latar belakang iaitu ada yang memang latar belakangnya keagamaan, ada juga yang pegawai-pegawai kerajaan yang bersara atau pun bertukar kerja.

3. Perkara ini telah beberapa kali kaola timbulkan dalam muzakarah bersama dengan kementerian-kementerian lain iaitu berhubung kait dengan pelancongan tetapi bila kaola utarakan perkara ini mereka menjawab elok dirujuk kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama. Perkara yang kaola maksudkan ialah cadangan kaola supaya didirikan mercu-mercu tanda atau pun *billboard* yang agak besar

yang memaparkan ayat-ayat suci Al-Quran ataupun hadis-hadis Nabi ﷺ yang mempunyai unsur pengajaran dan dakwah islamiah di tempat yang strategik dan utama di seluruh negara malah termasuk juga yang kaola terfikir ialah di tepi-tepi jalan dengan menambahkan lagi tiga kepala zikir kita iaitu **سُبْحَانَ اللَّهِ** dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** dan **اللَّهُ أَكْبَرُ** dan kaola terfikir alangkah eloknya kalau kitani tambah lagi "Lailahailallah" mencukupkannya menyempurnakan lagi tasbih, tahmid, tahlil dan takbir iaitu **اللَّهُ أَكْبَرُ** **الْحَمْدُ لِلَّهِ** **سُبْحَانَ اللَّهِ** bagi mendapat berkat dan tabarruk daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan mempamerkan imej baik negara kitani sebagai Negara Islam dan juga ayat-ayat suci serta hadis-hadis Nabi ﷺ itu kaola cadangkan dipamerkan dan dipaparkan di *billboards* bukan hanya untuk mengetarakan imej Negara Brunei Darussalam sebagai negara Islam tetapi juga terus dijadikan sebagai unsur dakwah dan juga mengajak orang kepada kebaikan misalnya sahaja di tempat-tempat strategik yang saya maksudkan ialah pintu masuk ke negara ini. Misalnya keluar daripada sempadan kawalan ataupun pos kawalan sempadan diadakan misalnya dipetik ayat-ayat seperti: "Masuklah kamu ke dalamnya dengan selamat sejahtera serta beroleh aman".

Bagi mengalu-alukan kedatangan orang-orang luar dan pelancong. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kepada Yang Berhormat untuk mentakmirkan masjid sebagai pusat kecemerlangan. Memang suatu idea yang kitani selama ini *share* bersama bahkan Jawatankuasa Takmir Masjid pun sedemikian juga untuk pusat kecemerlangan tetapi kecemerlangan itu berbagai-bagai jenisnya tertakluklah kepada *priority* kitani.

Pada masa ini keutamaan kitani ialah kecemerlangan supaya ada kegiatan keilmuan bersifat keagamaan. Kemudian kitani akan kembangkan lagi dengan adanya belia masjid kerana pusat kecemerlangan itu ada kerja-kerja sukarela yang boleh dilakukan oleh masjid melalui ahli-ahli kariahnya melalui anak-anak muda ini. Jadi kitani fikirkan apa cara-caranya. Adapun mengenai bantuan kebajikan atau khairat, memang ada hampir ke semua masjid mengadakannya secara bermusim. Memeduli anak yatim, ibu-ibu tunggal, orang-orang tua dengan mengadakan bantuan tertentu pada musim-musim hari raya dan sebagainya jadi secara bermusim.

Semua itu kalau kitani berpandu kepada apa yang dibuat oleh pihak lain sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi, itu ada motif yang kitani sendiri tidak tahu tetapi kitani melihat diri kitani sendiri sejauh mana dalam kapasiti yang ada dengan kehendak kitani. Umpamanya dalam majlis ini kitani mendengar keperluan meningkatkan takmir masjid dengan kegiatan bersifat keilmuan dan sebagainya, mengiatkan masjid juga



untuk turut campur dalam meningkatkan pembacaan Al-Quran. Kita akan melihat kepada keutamaan apa sahaja sebenarnya yang kitani dapat lakukan dalam semua perkara. Janganlah kitani meniru-niru orang kerana apa yang dilakukannya itu berjaya dan kitani pun memikirkan ia dapat dilakukan sedangkan priorti kitani adalah berlainan.

3. Berhubung dengan Skim Perkhidmatan Imam Yang Berhormat sendiri mengakui perkhidmatan imam itu sudah ada dan kaola ingin menjelaskan ia berjalan dan diikuti. Ertinya kemasukan dalam perkhidmatan dengan syarat-syarat tertentu kemudian kenaikan pangkat dalam Skim Perkhidmatan Imam juga ditentukan mengikut skim-skimnya yang tertentu. Jadi tidak ada masalah maknanya tinggal lagi bagaimana skim yang ada ini dapat mendukung hasrat untuk menjadikan masjid sebagai pusat ilmu. Menjadikan masjid berhasil ertinya kepimpinan imam, kepimpinan masjid itu dirasakan oleh masyarakat. Misalannya untuk mentertibkan ataupun mendisiplinkan penjawat-penjawat yang berjawatan yang berkenaan dengan masjid, semua ini akan kita lihat dan menjadi isu yang patut kita lihat dengan secara insaf untuk benar-benar cara mengatasinya. Terutama sekali perkara masjid, ibadat bukan semata-mata pentadbiran.

Dalam ibadat kita berkehendakkan keikhlasan. Untuk ibadat itu mempunyai nilai-nilai tertentu di sisi Allah Subhanahu Wa'atala dan di sisi manusia. Kemudian

mengadakan *billboard* Yang Berhormat Pengerusi, memanglah jika diminta kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk tujuan pelancongan, tapi bila disebutkan mengenai ini, ada jua tujuan dakwah dan sebagainya tentulah Yang Berhormat diminta untuk berhubung dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana ada unsur dakwah dan sebagainya. Tapi secara ringkasnya begini saja Yang Berhormat Pengerusi apa yang ada tertulis pada masa ini 'subhanallah' dan sebagainya itu dilakukan oleh pihak-pihak tertentu berkenaan dalam Kempen Keselamatan Jalan Raya.

Adapun untuk tujuan dakwah. Satu perkara lain dan untuk tujuan mengalulakukan pelancongan ke negeri ini satu perkara lain. Sejauh mana ia sesuai tidak pula sesuai dilakukan erti kata tidak menimbulkan hal-hal yang sebaliknya yang boleh mencacatkan ke luar negeri kita. Jika di mata orang untuk tujuan pelancongan dan kemudian kepada orang kita tentulah jika ditambahkan dengan zikir-zikir itu dengan selawat. Misalannya bagaimana perkara ini dapat dilakukan dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** semua pihak yang berkenaan boleh mendengar perkara ini bukan sahaja Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pihak-pihak berkenaan yang lain juga akan memikirkannya untuk sesuai atau tidak. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

**Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ اَتَمَّ بِكُمْ بِرَحْمَةِ اللّٰهِ وَرِزْقِهِ. dan selamat sejahtera. Kaola bercakap mengenai dengan Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kaola menyokong penuh setiap rancangan yang telah dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan berharap supaya ini akan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. آمین

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh soal pencapaian jumlah saudara baharu di Negara Brunei Darussalam seperti mana yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan 2017/2018. Kementerian Hal Ehwal Ugama Petunjuk Prestasi Utama iaitu Tahun 2015/2016 anggaran jumlah 500 orang dan jumlah sebenar ialah 511 orang. Ini merupakan perkembangan yang positif. Kaola juga berharap agar jumlah ini bukanlah dijadikan sebagai pengukur utama dalam peningkatan syiar Islam bagi saudara baharu di Negara Brunei Darussalam.

Apa yang diukur ialah kualiti dalam kalangan saudara baharu ini, perlu juga diukur bagi menilai keberkesanan terutama sekali dalam usaha bagi meningkatkan kualiti hidup beragama dalam kalangan mereka:

1. Kaola ingin mencadangkan agar usaha-usaha berterusan terus dipertingkatkan terutama sekali dalam memberi bimbingan dan yang paling penting ialah setiap saudara baharu ini perlu dipantau bagi mengenal pasti bahawa agama Islam terus dihayati oleh mereka dalam kehidupan

mereka. Kualiti saudara baharu akan terus dipertingkatkan dan إِنَّ شَاءَ اللّٰهُ mereka ini akan menjadi contoh model terbaik dan kepada keluarganya dan kawan-kawannya dan masyarakat yang belum memeluk agama Islam. Dengan secara langsung ia meningkatkan kualiti syiar Islam di Negara Brunei Darussalam; dan

2. Dalam kita berusaha untuk mempelbagaikan sosioekonomi, masyarakat, apakah dibolehkan dari pandangan Kementerian Hal Ehwal Ugama, bahawa untuk aktiviti-aktiviti perekonomian dianjurkan di kawasan masjid seperti mengadakan jualan. Jika diadakan majlis keagamaan atau melalui aktiviti lawatan ke masjid. Aktiviti ini sebagai pendekatan untuk memakmurkan masjid dengan kegiatan perniagaan dan nilai tambah kepada aktiviti yang sedia ada serta diuruskan secara sempurna oleh pihak masjid sama ada melalui Jawatankuasa Takmir Masjid atau Muslimah atau Belia Masjid tanpa menjejaskan kesejahteraan masjid sebagai tempat beribadat. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat mengenai perkara dakwah yang penting bukan angka tetapi ialah kualiti terutama sekali kualiti kehidupan mereka dalam masa yang sama ialah kualiti keislaman mereka itu.

Memang itu semangat termasuk dalam strategi dalam kita mendakwahkan. Yang Berhormat ingin supaya ditingkatkan lagi dengan memberikan bimbingan yang baharu berterusan dan pemantauan yang berterusan dan Yang Berhormat itu sendiri tahu perkara ini sedang berterusan dilakukan.

Tinggal lagi keberkesannya tertaklukkan kepada keadaan-keadaan misalnya keupayaan individu saudara baharu itu tidak sama tambahan lagi pula jika peringkat umur tertentu yang sudah lanjut maka sulitlah untuk meningkatkan misalnya memperbaiki mutu bacaan mereka dan sebagainya.

Tapi soalnya program-program membimbing, memantau sudah sedia ada dan mudah-mudahan program ini dengan kerjasama orang ramai jua terutama sekali dengan adanya Persatuan Saudara Baharu sendiri seperti di Tutong yang beragama Islam itu sendiri ialah seorang daripada pemimpinnya akan bekerjasama sebagaimana pada masa ini.

Ertinya Pusat Dakwah, masjid mendapat kerjasama dan sokongan dari pertubuhan atau badan dari kalangan saudara baharu. Malah Pusat Dakwah sendiri ada semacam perkumpulan saudara baharu yang dibimbing secara langsung di Pusat Da'wah dan sebagainya.

Adakah aktiviti-aktiviti perniagaan dapat diadakan secara bermusim di kawasan masjid. Pada prinsipnya kaola mengalu-alukan ini. Jika ada kegiatan sedemikian ini, musim Ramadan supaya nampak dan pada waktu itu kita akan melihat sejauh

mana orang ramai dan juga peniaga-peniaga yang bergerai itu akan menggunakannya apabila laungan azan dan bagaimana mereka berduyun-duyun ke masjid dan sebagaimana yang kitani harapkan. Tinggal lagi hal-hal seperti ini biarlah dirundingkan di peringkat daerah masing-masing untuk memikirkan kesesuaiannya.

Kementerian mengalu-alukan kegiatan-kegiatan yang melibatkan kemasyarakatan di masjid-masjid selama mana ia tidak bertentangan dengan hukum dan tujuan-tujuan masjid. Itu yang dapat kaola jelaskan Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:**  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَشْكُرُكُمْ بِرَحْمَةِ اللَّهِ وَرَحْمَةِ الْوَالِدَيْنِ dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah yang telah disampaikan.

Mula-mula kaola ingin menyentuh mengenai Belanjawan Kod Akaun 001/002 - Pengurusan Haji. Sebentar tadi Yang Berhormat telah memberitahu bahawa kuota haji telah pun dinaikkan kepada 1,000 orang pada tahun ini. الْحَمْدُ لِلَّهِ ertinya tahun ini lebih banyak jemaah dari Brunei Darussalam akan menunaikan fardhu haji, إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Dalam Perbelanjaan Yang Berulang-Ulang yang berjumlah \$1,524,000.00 itu adakah ia termasuk untuk 1,000 orang ataupun yang 400 sahaja? Itu yang kaola tanyakan. Kemudian Yang Berhormat Pengerusi kaola bertanyakan juga adakah jumlah tersebut termasuk perbelanjaan untuk *medical*?

Dalam kesempatan ini, kaola ingin merakamkan kesyukuran kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinannya kepada rakyat Brunei kitani dalam menjaga kesejahteraan dan keselamatan mereka sewaktu di tanah suci.

1. Yang Berhormat Pengerusi. Sekarang ini ternampak banyak produk yang meragukan kehalalannya yang terdapat dijual di kedai-kedai dan *supermarket* di seluruh Negara Brunei Darussalam. Adakah perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memisahkan barang makanan yang meragukan ke satu tempat yang lain bagi mengelakkan keraguan orang Islam yang membeli di kedai-kedai? Kalau kaola tidak silap perkara ini pernah dilakukan sebelumnya.
2. Mengenai produk makanan yang bukan berasaskan daging dan ayam. Kaola faham bahawa semua produk yang berasaskan daripada ayam dan daging diwajibkan untuk mendapatkan kebenaran ataupun disahkan kehalalannya. Apa yang kaola ingin sampaikan ini ialah mengenai produk makanan halal

yang bukan berasaskan kepada ayam dan daging. Terdapat pada masa ini ada produk tersebut dimasukkan mempunyai dua sijil kehalalannya. Kaola tidak payah kali menyebutkan nama syarikatnya. Soalan kaola adakah perkara yang sama diberikan kesempatan kepada pengimport-pengimport yang lain terutama sekali penduduk tempatan?

Mengenai bajet yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama berjumlah \$235,997,730,00. Kaola menyokong penuh supaya ia akan dapat diluluskan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat Pengerusi, secara ringkas bahawa Peruntukan Berulang-Ulang itu memanglah bukan menjangkakan jemaah kitani kepada 1,000 orang. Kalau peruntukan itu pun bukan untuk peruntukan kepada jemaah.

Peruntukan itu adalah pengurusan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan. Yang lazim dilakukan ertinya kalau ada penambahan jemaah pun tidak begitu besar kesannya kepada peruntukan. Juga sama sekali tidak kenamengena peruntukan itu dengan peruntukan *medical*, kalau kaola tidak silap Yang Berhormat Pengerusi.

Peruntukan *medical* barangkali akan rakan kaola Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat menjelaskannya lebih lanjut lagi mengenai perkara itu. Sebanyak mana peruntukan yang dibelanjakan oleh kerajaan bagi

menanggung perkhidmatan perubatan bagi jemaah-jemaah haji.

Untuk memisahkan barangan makanan daripada yang meragukan kehalalannya dengan yang halal supaya orang ramai tidak keliru. Memang satu masa dahulu ada usaha-usaha untuk memisahkan sedemikian dan hasilnya ialah yang tidak halal dipisahkan langsung ke satu tempat dan kaunternya pun lain, ruang penjualannya pun lain.

Itu yang hasilnya pada masa ini tetapi tinggal lagi barang-barang yang dinamakan yang meragukan. Apa yang dinamakan meragukan ini sulit juga kalau semua barang yang tidak ada bertulis halal langsung kita anggap ia tidak halal dan kita ragu, maka banyak perkara-perkara yang termasuk dalam kategori atau jenisnya yang sedemikian. Usaha untuk memisahkan itu akan kita lihat sejauh mana keperluannya. Kira-kira keperluan itu benar-benar untuk menjamin orang ramai tidak terkeliru dan sebagainya dan kita akan berusaha bersama-sama dengan pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga untuk mencari jalan yang sebaik-baiknya.

Mengenai produk yang didatangkan berdasarkan ayam ataupun daging yang lain mesti mendapatkan pengesahan halal sementara ada lagi produk dari syarikat yang termasuk ke negeri ini tidak melalui sedemikian. Adakah peluang yang sama juga akan diberikan kepada yang lain. Perkara ini sedang dalam perhatian pihak jawatankuasa yang berkenaan bagi kelulusan Sijil Halal dan Label Halal ini. Kaola agak pasti yang dimaksudkannya itu ada sebuah syarikat

yang ada kait mengait dengan kita iaitu bukan syarikat asing tetapi syarikat kitani. Adakah kerana ia syarikat kitani itu akan mendapat keistimewaan atau dikecualikan dan pengecualian yang sama bolehkah diberikan kepada syarikat-syarikat lain. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah Yang Berhormat. Tajuk yang kaola akan ajukan ialah 004/003 – Kutipan dan Agihan Zakat, kaola akan menekankan tentang Program PROPAZ ke arah pembasmian kemiskinan.

Sepertimana yang kaola difahami ada 5 program di bawah PROPAZ iaitu PROPAZ PPB, perintis Keusahawaan Bangunan Diri dan Bantuan Sokongan. Program ini sudah bermula dari 2007 sehinggalah 2017 dan kalau dilihat dari segi keramaian yang mengikuti program tersebut bilangan Asnaf Fakir Miskin yang mengikuti program itu cuma 3.5%. Sambutannya agak kurang bila dilihat dalam tempoh 10 tahun itu Yang Berhormat Pengerusi.

Dalam pencapaian program kalau dilihat PROPAZ PPB (Pusat Pembangunan

Belia), pencapaian program adalah 67.8% sahaja manakala perintis yang mulanya dari 2012 ke 2017 cuma pencapaian program 40.6%. Mengikut program tersebut tempoh pelaksanaan program ini adalah selama dua tahun. Peserta akan menjalani program motivasi selama 7 hari, 6 bulan.

Selepas itu mengikut fasa latihan, fasa percubaan pekerja dalam 6 bulan lagi dan fasa pengambilan bekerja tetap selama satu tahun.

1. Kaola mencadangkan agar pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama akan dapat mereviu semula program perintis supaya ia akan dapat meningkatkan kadar kejayaan yang baik dan merealisasikan matlamat utama untuk menjadikan Asnaf Fakir Miskin mampu berdikari tanpa bergantung pada bantuan.

Antara langkah yang dapat diambil oleh pihak kementerian ialah dengan berkolaborasi dan bergabung dengan usahawan-usahawan di pihak swasta serta *NGO* supaya mereka dapat menyumbangkan usaha untuk melatih golongan Asnaf Fakir Miskin iaitu dengan *mentorship*.

Dari segi perusahaan perniagaan, mengenal pasti peluang perniagaan, membantu usahawan membangunkan dan melaksanakan pelan perniagaan yang berdaya maju, membekalkan pengetahuan atau *knowhow* dan menarik minat perusahaan untuk menceburi bidang perusahaan.

Ini adalah satu pendekatan yang berasaskan perniagaan, perintis kepada pembangunan supaya mereka tidak akan bergantung pada pemberian wang zakat. *Darussalam Enterprise* adalah antara *platform* yang dapat digunakan kerana *DARe* berperanan untuk menggalakkan perkembangan usahawan dengan merangka beberapa program khusus untuk meningkatkan urus tadbir dan aktiviti perniagaan.

Yang Berhormat Pengerusi. Program-program ini hendaklah dipantau dengan lebih dekat, dan kaola bercadang agar program-program ini dijadikan keperluan kepada semua fakir miskin bagi membasmi kemiskinan.

3. Merujuk kepada Kod Akaun 1105-001 - Perbelanjaan Kemajuan. Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah pun dibuka pada 5 Rabiulakhir 1438 bersamaan 3 Januari 2017 iaitu bermulanya penggal persekolahan tahun baru 2017.

الحمد لله bangunan tersebut telah mengambil kira hasrat dan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya bangunan yang didirikan merupakan sebuah Sekolah Agama Arab yang unik, sistem pendidikan Islam yang diterap dan diasuh bagi mendidik anak bangsa ke arah melahirkan serta membentuk sahsiah bangsa dan masyarakat

Brunei yang kuat berpegang teguh dengan ajaran Ugama Islam.

Orang ramai telah menimbulkan kebimbangan tentang kelewatan Sekolah Ugama Arab Menengah Rimba. Memandangkan projek bermula pada September 2014 dan kesiapan asal dijangka pada September 2016. Segala kelewatan boleh merugikan kerajaan kerana tidak mencapai hasrat kerajaan untuk menyediakan Sekolah Arab dalam jangka waktu yang ditetapkan.

Kaola ingin bertanya Yang Berhormat Pengerusi apakah tindakan pihak kementerian untuk mempercepatkan dan menyelesaikan masalah kelambatan. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon kepada Yang Berhormat untuk mengulang soalan yang terakhir.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:** Yang terakhir mengenai kelambatan projek Sekolah Arab Rimba, apakah tindakan pihak kementerian untuk mempercepatkan dan menyelesaikan masalah kelambatan?

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih. Untuk soalan itu kaola akan merujuk kepada pihak teknikal mengenai perkara ini lebih lanjut.

Mengenai perkara PROPAZ terutama sekali PROPAZ perintis. Kaola mengalu-

alukan buah fikiran dan cadangan daripada Yang Berhormat tadi. Hakikatnya PROPAZ atau program pengupayaan Asnaf Zakat itu adalah program *bersikut*. Ertinya *bersikut* itu Yang Berhormat Pengerusi ialah biskaola Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak mempunyai kemudahan-kemudahan untuk tempat latihan, lalu *disikutkan* kepada kemudahan yang ada di Pusat Pembangunan Belia. Oleh *bersikut*, dan juga menyedari bahawa keutamaan Pusat Pembangunan Belia yang lain jadi abiskaola cuma setakat *besikut*. Had tempat untuk mengadakan program secara lebih kerap atau secara penyertaan dengan bilangan yang ramai juga agak terhad dan abiskaola menghargai pertolongan yang diberikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan setakat manapun ada.

Jadi kerana selama ini memang difikirkan apa cara-cara yang lain lagi. Perkembangan beberapa tahun ini menunjukkan bahawa seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu tadi, sudah tiba masanya kementerian untuk melihat bagi berkolaborasi dengan pihak yang lain, selain di Pusat Perkembangan Pembangunan Belia seperti pengusaha, pembimbing, seperti *DARE* yang ada pada masa ini. Pemikiran sedemikian itu, sangat dialu-alukan dan mudah-mudahan ke arah itulah dapat dilakukan. Pada masa terdahulu pun, semasa PROPAZ ini diperkenalkan usaha untuk mendapatkan usahawan berkolaborasi dengan program PROPAZ ini tidak sebegitu berjaya.

Mungkin suasana pada masa itu, tetapi suasana pada masa ini sudah berlainan

semua pihak yang berkenaan dalam *NGO* dalam pengusaha *private* mempunyai kesedaran sebagaimana hasrat kerajaan untuk mendukung hasrat kerajaan bagi memajukan perniagaan dalam satu aspek bagi memajukan perkara bagi mengangkat taraf hidup Asnaf Zakat supaya tidak selama-lamanya bergantung pada bantuan zakat sebaliknya mereka akan berdikari dengan mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu dan sokongan tertentu dari segi kewangannya daripada bahagian mereka sebagai Asnaf Zakat. Kaola mengalu-alukan mudah-mudahan antara orang-orang yang akan sering memberikan buah fikiran ialah Yang Berhormat untuk mengandungi lagi program ini supaya berjaya pada masa akan datang. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Kaola Yang Berhormat Pengerusi sebelum penutupan ini ingin menjelaskan yang tadi yang kaola minta tangguh jawapan kaola mengenai tanah-tanah wakaf.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Barangkali kitani mendengar lagi seorang Ahli Yang Berhormat ini suka akan bertanya barangkali kita dengar dahulu apa pertanyaannya, lepas itu kalau sekiranya Yang Berhormat mahu lebih waktu lagi kaola boleh memberi lagi esok pagi untuk menimbulkan perkara-perkara yang belum Yang Berhormat jawab itu.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

1. Kaola ingin bercakap dalam Tajuk SJ01A Kod Akaun 002/001 – Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam dan dalam Bahagian Antarabangsa dan MABIMS dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam. Kaola ingin tahu mengenai penetapan penglihatan anak bulan bagi menentukan bermulanya ibadat puasa dan hari-hari raya iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

Soalan kaola adakah rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama negara anggota MABIMS (Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura) untuk menyelaraskan waktu memulakan ibadah puasa dan kedua-dua hari raya?

Seperti mana yang kaola difahamkan anggota MABIMS setiap tahun mengadakan pertemuan tidak rasmi Menteri-Menteri Agama dan juga ada permuzakarahan. Kaola berpendapat dan berpandangan bagi kemaslahatan umat Islam



di Negara Brunei Darussalam perkara yang disampaikan ini akan dapat diambil perhatian; dan

2. Perkara menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah pusat perkembangan penyebaran Al-Quran dalam kalangan anggota MABIMS. Kaola ingin mengajukan persoalan. Sejauh manakah perkembangan pusat tersebut?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih. وبالله التوفيق والهداية التامة بئكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** التسليم بئكم ورحمة الله وبركاته dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

1. Berhubung dengan penyelarasan antara negara MABIMS bagi memulakan kedua-dua hari raya, memulakan puasa dan sebagainya. Penyelarasan itu sudah ada tapi penyelarasan dalam erti kata, kita bersetuju untuk tidak bersetuju. Ada kaedah *agreed not to agree*. Ertinya kita dengan pegangan kita pada qaul yang terpakai bagi kita secara rukyah. Pihak lain rukyah beserta hisab, dua-dua dipakai. Sebuah negeri yang lain sudah menetapkan terang-terang secara hisab tidak lagi ada rukyah.

Kita dengan cara kita sudah berjalan dengan baik dan disebutkan oleh Yang Berhormat tadi demi kemaslahatan umat Islam. Demi kemaslahatan umat Islam di negara

ini kemaslahatannya itu telah dijaga iaitu dengan memakai qaul muktamad yang terpakai pada kita semua iaitu memulakan puasa dan hari raya ditentukan secara penglihatan rukyah. Jadi penyelarasan dan permesyuaratan memang sentiasa diadakan. Bererti menambahkan ilmu masing-masing jadi *agree not to agree* itu saja bersetuju untuk tidak bersetuju, tidak menjadi keaiban bagi negara-negara yang bersahabat; dan

2. Mengenai pusat penyebaran Al-Quran dalam kalangan negara MABIMS. Negara Brunei Darussalam telah dipilih pada satu masa dahulu untuk menjadi pusat penyebaran dan kegiatannya tidak begitu ketara. Kalau kumpulan kegiatannya setakat apa yang ada ialah dengan mengadakan hafaz Al-Quran dalam kalangan negara yang terlibat. Itu sebahagian daripadanya. Tapi kalau penyebaran atau pengajaran Al-Quran kita secara bersendirian untuk negeri kita mengadakan program berkenaan. Untuk masa ini tidaklah begitu ketara kegiatannya meliputi sebagai kegiatan negara MABIMS yang berpusat di negara ini Yang Berhormat. Begitu saja yang dapat kaola jelaskan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Ugama sebagai jawapan kepada soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya berjanji bahawa saya akan memberi lagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk meneruskan penerangannya terhadap soalan-soalan yang belum dijawabnya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada esok pagi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Dengan itu saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Maka saya sekarang ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Selasa, 14 Mac 2017 pukul 9.00 pagi. Sekian, **وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**